

12 JUN 2000

Mahathir-Pembangunan

SYARIKAT MALAYSIA PERLU TEKANKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Oleh: Mohd Ghazemy Mahmud

TOKYO, 12 Jun (Bernama) -- Syarikat Malaysia perlu menekankan pembangunan dan penyelidikan (R&D) jika mereka mahu bersaing di peringkat antarabangsa dan memajukan diri, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata: "Kita masih kurang yakin kepada apa yang dicipta oleh kita sendiri, selagi kita tidak keluar daripada belunggu ini, saya dapati bahawa kita punya R&D agak terhad."

Dengan itu, beliau berkata kerajaan ingin melihat syarikat-syarikat menumpukan kepada R&D dan mesti berani menggunakan idea mereka sendiri dan mencuba.

"Jangan kita ingat yang sudah digunakan oleh orang lain sahaja boleh berjalan dengan baik. Kita juga mempunyai kemampuan tetapi kita punya pemikiran agak beku. Kalaulah dicadang membuat sesuatu yang sedikit luar biasa, mereka akan jawab awal lagi, tak boleh," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada persidangan berita pada akhir lawatan kerja beliau ke negeri Jepun selama seminggu bagi meninjau teknologi terkini yang boleh digunakan untuk membantu pembangunan industri negara. Beliau dijadualkan berlepas ke tanah air esok.

Mengenai bantuan kerajaan kepada syarikat-syarikat Malaysia, Dr Mahathir berkata memang ada tabung R&D berjumlah RM1 bilion.

Tetapi katanya, "kita kena tahu setakat mana kita boleh buat R&D. Kalau pasaran kecil kita buat secara kecil, kalau pasaran besar kita buat secara besar."

Mengenai sesetengah syarikat yang terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan, Dr Mahathir berkata: "mereka tidak banyak melakukan usaha sendiri kecuali syarikat-syarikat perladangan, kerana seperti yang anda tahu industri perladangan amat maju dan disebabkan itu jelas dilihat kejayaan industri perladangan kita."

"Saya yakin jika industri pembuatan memberi penekanan terhadap R&D, mereka akan mencapai kejayaan yang sama seperti industri perladangan," katanya.

Mengenai sama ada ini berpunca daripada pemikiran untuk mendapatkan keuntungan jangka pendek rakyat Malaysia, beliau berkata ia adalah antara sebabnya, tetapi katanya, rakyat perlu berupaya memikirkan dari segi tempoh jangka panjang, yang mereka akan berada lama dalam perniagaan dan oleh itu mereka patut memikirkan masa depan.

Beliau berkata Jepun pun dulu macam itu juga, tetapi menggunakan pendekatan itu (R&D) selepas perang dunia kedua dan selepas meninjau konsep R&D yang bermula di Eropah dan Amerika serta melihat kejayaan negara-negara yang membelanjakan wang yang banyak untuk tujuan itu.

Perdana Menteri berkata kurikulum sekolah juga mungkin perlu dikaji sama ada pelajaran Sains menggalakkan seseorang itu membuat analisis sendiri bukan sahaja menerima apa yang disampaikan guru.

Mengenai kerjasama dengan syarikat gergasi pembuat kereta Jepun, beliau berkata: "Kita kena bekerjasama dengan syarikat gergasi ini tetapi di masa yang sama kita kena memelihara identiti Proton dan Perodua sebagai kereta nasional."

Katanya kerjasama dengan syarikat yang besar dan lebih maju ini perlu dibentuk, supaya Malaysia tidak ketinggalan daripada segi teknologi yang baru.

Mengenai cadangan membuat kereta menggunakan teknologi kacukan (enjin kuasa minyak dan bateri), Dr Mahathir berkata: "Sebenarnya kita sudah usahakan selama dua tahun setengah dan kita sedang buat kemudahan di Lotus dan juga di sebuah syarikat swasta lain di England kerana idea untuk hybrid (kacukan) ini adalah idea kita sendiri tapi kita lihat Jepun sudah pun ada

idea ini dan dia buat cara dia, kita punyai cara lain."

Semasa di Jepun beliau melawat kilang Mazak di Nagoya yang membuat peralatan enjin berkomputer. Di sini beliau juga melawat pusat penyelidikan teknikal Matsushita, pusat syarikat kereta Mitsubishi dan juga pusat R&D Toyota dekat sini.

Di pusat Toyota, beliau mencuba beberapa model terbaru kereta Toyota termasuk Prius sebuah kereta kacukan berkuasa enjin minyak dan bateri.

Selain itu sepanjang lawatannya ke negara ini, beliau berjumpa dengan beberapa pemimpin Jepun termasuk Perdana Menteri Yoshiro Mori serta pemimpin-pemimpin Asean yang berada di sini untuk menghadiri upacara pengkebumian mendiang perdana menteri Keizo Obuchi yang meninggal dunia bulan lepas.

Perdana Menteri berkata: "Kita perlu tahu teknologi terbaru yang terdapat di sini." Ini kerana di Malaysia walaupun banyak terlibat dalam pembuatan komponen tetapi dalam komponen itu terdapat banyak barang yang diimport dan katanya negara perlu mencari jalan bagi mengurangkan barang import.

Beliau mencadangkan syarikat Malaysia menceburi bidang industri pembungkusan makanan dan mengkaji industri itu yang agak maju di Jepun.

Ditanya mengenai mesejnya kepada syarikat-syarikat Jepun dengan pemulihan ekonomi Malaysia kini, Dr Mahthir berkata: "Saya fikir disebabkan kos mereka yang tinggi, mereka patut memindahkan beberapa kemudahan pengeluaran mereka yang mahal ke Malaysia sekali lagi."

Beliau berkata: "Mereka yang datang ke Malaysia selalunya begitu berjaya jadi mungkin mereka patut memulakan pusingan kedua dengan memindahkan industri tertentu mereka ke Malaysia.

"Jepun mahu mewujudkan pekerjaan kerana di sini terdapat pengangguran tetapi untuk menjadi kompetitif, mungkin perlu bagi mereka pergi ke negara yang mempunyai kos rendah seperti Malaysia."

Beliau juga berkata Jepun telah menawarkan Malaysia lebih banyak kemudahan pinjaman.

-- BERNAMA

GM RON